

17/09/1997

Bentuk forum maya Komanwel

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan pembentukan Forum Maya Negara-Negara Komanwel untuk dijadikan asas kepada satu rangka kerja baru pentadbiran menentukan pembahagian keadilan selari dengan sistem pasaran bebas ekonomi digital.

Melalui forum yang diwakili oleh semua negara secara adil dan penyertaan penuh demokratik, masyarakat antarabangsa boleh memulakan dialog bersama ke arah membentuk rangka kerja menyeluruh untuk pentadbiran era maklumat dan masyarakat global.

Forum itu juga, kata Perdana Menteri, akan dapat menghalang wujudnya jurang antara mereka yang berkuasa, berharta dan berpengaruh dalam era maklumat masa kini.

Menurutnya, mengikut aliran semasa, masyarakat yang kaya dan berpendapatan tinggi akan terus menjadi lebih kaya dan berpengaruh, manakala golongan miskin dan tidak berpendidikan terus tinggal daif dan lemah.

"Sepatutnya, apabila tiada seorang pun yang boleh memonopoli pengetahuan atau kebijaksanaan, bermakna tiada seorang pun boleh mempunyai semua kuasa, kekayaan dan pengaruh.

"Bagaimanapun, seseorang itu dibolehkan menambah dan memperolehi kuasa serta kejayaan kerana keadaan ini akan mendorong wujudnya masyarakat yang lebih terbuka, adil dan saksama," katanya berucap merasmikan Persidangan dan Pameran Multimedia Asia '97, bertema `Menggerakkan Koridor Raya Multimedia (MSC) Daripada Impian Kepada Kenyataan - Mercu Penyelesaian Bijak,' di sini hari ini.

MSC dirancang di kawasan seluas 750 kilometer persegi meliputi Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Cyberjaya dan pusat pentadbiran Kerajaan Pusat yang baru, Putrajaya.

Ketika menjawab soalan seorang peserta persidangan pada sesi soal jawab, Dr Mahathir menjelaskan, cadangan mewujudkan forum itu adalah idea baru dan perlu membabitkan semua negara dalam Komanwel.

Sesebuah negara itu perlu berbincang dengan negara lain sebelum membuat sebarang keputusan kerana ia akan memberi kesan kepada dunia secara keseluruhannya.

Sambil mengambil contoh serangan ke atas ringgit yang dilakukan tanpa sebarang rundingan, Malaysia menjadi antara negara paling membangun, kini 20 peratus miskin hanya dalam tempoh dua minggu.

"Kami bertanya pada diri sendiri apakah salah kami sehingga diperlakukan begini.

"Kami mengambil masa 10 tahun untuk membangunkan pertumbuhan pendapatan modal daripada AS\$4,000 (RM11,600) kepada AS\$5,000 (RM14,500).

"Dalam tempoh dua minggu, ia jatuh kembali kepada AS\$4,000 (RM11,600)," katanya.

Dr Mahathir berkata, forum itu boleh dilangsungkan melalui teknologi multimedia seperti videofon dan sidang video yang membolehkan mereka dari seluruh dunia berhubung secara bersemuka.

"Multibudaya akan menjadi gaya hidup pada masa depan.

"Tanda-tanda perkampungan global sudah wujud ketika ini.

"Bagaimanapun kita perlu mengubah suai supaya hubungan rapat kita dengan orang lain tidak berakhir dengan kita terlalu kerap memijak kaki mereka," katanya.

Hubungan rapat dan pendedahan yang kerap kepada satu sama lain itu sepatutnya membenarkan sikap kejiranan yang kuat sebelum masa menentukan kewujudan masyarakat global multibudaya.

Terdahulu, Dr Mahathir berkata, kerajaan melalui MSC akan membawa konsep Persyarikatan Malaysia ke tahap lebih tinggi iaitu ke arah perkongsian pintar secara global.

(END)